




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

4 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 258 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 241,380 kes. Tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Tuaran dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 260 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 234,267 orang. Manakala 713 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 382 orang di hospital, 330 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 37 orang merangkumi 34 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 11 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.80%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Sipitang berubah dari zon merah ke zon jingga manakala Lahad Datu berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga lima (5) daerah.
- Zon Merah 15 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes melonjak tinggi hari ini dengan peningkatan 97 kes berbanding semalam menjadikan kes baharu berjumlah 258 kes.
- b. Terdapat 10 daerah merekodkan kes pada kadar dua (2) angka dengan Penampang mencatatkan kes tertinggi di Negeri Sabah dengan 49 kes, diikuti oleh Kota Kinabalu 32 kes, Tuaran 22 kes dan Kota Marudu dan Kota Belud masing-masing mencatatkan 19 kes. Daerah Penampang juga mencatatkan peningkatan kes baharu tertinggi (+30) dikalangan 27 daerah di Sabah. Sebanyak 12 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan lima (5) daerah lagi tidak merekod sebarang kes baharu pada hari ini.
- c. Sejumlah 252 daripada 258 kes pada hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Tidak ada kes dalam Kategori 3, manakala tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan terdapat satu (1) kes dalam Kategori 5. Terdapat dua (2) kes yang masih lagi dalam penilaian pihak JKNS.
- d. Adalah diperhatikan bahawa sekitar 70% daripada kes-kes baharu setiap hari melibatkan mereka yang sudah lengkap divaksin. Ia memberi gambaran seolah-olah ramai daripada mereka ini beranggapan mereka sudah kebal daripada jangkitan. Anggapan ini bukan sahaja salah tetapi mereka tidak sedar bahawa mereka boleh menjangkiti pula anak-anak mereka di rumah yang belum layak divaksin. Seramai 17.4% kes hari ini adalah dikalangan kanak-kanak yang belum layak menerima vaksin. Beringatlah, ibu bapa boleh menjadi pembawa virus dan menjangkiti anak-anak mereka di rumah yang masih kecil.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (140) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	89	34.50%
3	Kontak	140	54.26%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	29	11.24%
JUMLAH		258	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (3 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 3/01/2022	Catatan Kes 4/01/2022	Perbandingan
1	Penampang	19	49	+30
2	Kota Marudu	2	19	+17
3	Tenom	4	14	+10
4	Putatan	3	13	+10
5	Kuala Penyu	2	12	+10
6	Tambunan	7	12	+5
7	Beaufort	2	7	+5
8	Sipitang	0	5	+5
9	Lahad Datu	0	5	+5
10	Tuaran	19	22	+3
11	Sandakan	4	7	+3
12	Tongod	0	3	+3
13	Beluran	0	3	+3
14	Tawau	3	5	+2
15	Kinabatangan	0	2	+2
16	Kudat	3	4	+1
17	Nabawan	0	1	+1
18	Kota Belud	19	19	Mendatar
19	Papar	7	7	Mendatar
20	Kalabakan	0	0	Mendatar
21	Semporna	0	0	Mendatar
22	Kunak	0	0	Mendatar
23	Telupid	0	0	Mendatar
24	Ranau	17	6	-11
25	Kota Kinabalu	37	32	-5
26	Keningau	12	11	-1
27	Pitas	1	0	-1
JUMLAH		161	258	+97

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (21 Disember – 3 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Penampang	0	34	13	0	2	49	248
Kota Kinabalu	0	12	17	0	3	32	446
Tuaran	0	19	0	0	3	22	324
Kota Belud	0	9	7	0	3	19	204
Kota Marudu	0	17	2	0	0	19	82
Tenom	0	8	6	0	0	14	52
Putatan	0	8	2	0	3	13	109
Tambunan	0	6	5	0	1	12	63
Kuala Penyu	0	9	2	0	1	12	61
Keningau	0	2	9	0	0	11	102
Papar	0	2	4	0	1	7	125
Sandakan	0	2	4	0	1	7	54
Beaufort	0	3	4	0	0	7	100
Ranau	0	5	1	0	0	6	202
Tawau	0	0	1	0	4	5	44
Sipitang	0	0	5	0	0	5	40
Lahad Datu	0	0	3	0	2	5	22
Kudat	0	1	1	0	2	4	29
Beluran	0	3	0	0	0	3	29
Tongod	0	0	2	0	1	3	23
Kinabatangan	0	0	0	0	2	2	15
Nabawan	0	0	1	0	0	1	10
Pitas	0	0	0	0	0	0	8
Kunak	0	0	0	0	0	0	2
Telupid	0	0	0	0	0	0	10
Semporna	0	0	0	0	0	0	1
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	0	140	89	0	29	258	2,406

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,151 unit

- Hospital 1,264 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.18%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 4 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	249
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	9
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	258

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	7
Emiriah Arab Bersatu	1
Timor Leste	1
Jumlah	9

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	252
Bukan Malaysia	6
Jumlah	258

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	45
Belum Menerima Vaksin	17
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	183
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	13
Jumlah	258

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	18
6 to 11	25
12 to 17	17
18 to 25	36
26 to 59	134
>60	26
Jumlah	258

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 3 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,533 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,509 orang adalah penduduk dewasa dan 24 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 3 Januari 2022 adalah seramai 2,449,628 orang. Ini meliputi 2,113,320 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.61% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,428 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,975 orang atau 75.88% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,308 orang atau 77.49% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,453 atau 71.76% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,891** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,447 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 42 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak enam (6) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Enam (6) Orang : Gagal Patuh Waktu Operasi Premis Di Kawasan PKPP
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 126 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 966 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (3) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau.

- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 551 premis perniagaan dan 761 individu di 18 kawasan. Lima (5) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Popular Aquarium, Pekan Inanam (2 Orang), Hi Tech Enterprise, Pekan Inanam (1 Orang), Splash Carwash, Damai Plaza (1 Orang) dan FVS Legacy Sdn Bhd, Foh Sang (1 Orang). Tiga (3) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik gagal menyediakan peralatan saringan suhu / menyediakan peralatan saringan suhu yang tidak berfungsi di Car Wash, Damai Plaza Ph. 1. Kesalahan pemilik premis gagal memastikan pekerja mendaftar masuk guna aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Popular Aquarium dan KK Tetap Jaya Sdn. Bhd.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 171 Premis Perniagaan melibatkan 87 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.

- 7 Sejumlah 48 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 87 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.3%
2	Beluran	98.3%
3	Tenom	98.3%
4	Kota Marudu	98.3%
5	Keningau	98.3%
6	Beaufort	98.2%
7	Kudat	98.2%
8	Kota Belud	98.2%
9	Tuaran	98.2%
10	Sipitang	98.2%
11	Lahad Datu	98.1%
12	Ranau	98.1%
13	Semporna	98.1%
14	Kinabatangan	98.1%
15	Sandakan	98%
16	Tawau	98%
17	Kota Kinabalu	98%
18	Papar	98%
19	Penampang	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II